

MODEL KUALITI GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI MURABBI MENURUT SARJANA ISLAM

NOORNAJIHAN JAAFAR, ZETTY NURZULIANA RASHED

Fakulti Pengajian Quran Sunah, USIM, Fakulti Pendidikan, KUIS

noornajihan@usim.edu.my, zetty@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja yang menggunakan pendekatan konseptual ini bertujuan untuk mengetengahkan pandangan sarjana Islam terkemuka tentang elemen kualiti guru Pendidikan Islam sebagai *murabbi*. Sarjana-sarjana Islam, khususnya dalam bidang pendidikan yang telah dikenal pasti adalah seperti al-Ghazali (t.th), Abdullah Nasih Alwan (1968), al-Hammadi (1987), al-Hafiz Suwaid (1988) dan al-Nahlawi (1979). Manakala elemen kualiti guru Pendidikan Islam yang dapat diekstrak ialah elemen pemikiran rabbani, penguasaan ilmu agama dan pengamalannya, kemahiran-kemahiran dalam penguasaan dan kesempurnaan sahsiah.

Kata kunci: *pengekstrakan, elemen kualiti, murabbi, sarjana Islam*

PENDAHULUAN

Guru merupakan ejen perubahan yang paling awal dalam masyarakat yang berperanan mengajar, mendidik dan membimbing murid berdasarkan kurikulum PI yang telah disusun dengan mengamalkan konsep 5 *mim* (Abd Ghafar Mahmud 2011). Konsep ini yang telah dipopularkan oleh Ab. Halim Tamuri (2006), mengenal pasti lima peranan guru, iaitu *mudarris*, *mu'addib*, *murabbi*, *murshid* dan *mu'allim*. Ab. Halim Tamuri (2006) telah menjelaskan peranan guru *murabbi* sebagai:

peranan guru di dalam bilik darjah untuk menjaga, membesarkan, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah murid serta membentuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka. Guru berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan murid dari aspek JERI agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kaca mata Islam.

Walaubagaimanapun, Hasni Mohammed (2011) melihat GPI secara keseluruhan ialah *murabbi*. GPI yang berperanan sebagai *murabbi* perlulah bertindak sebagai tenaga pengajar (*muallim/ teacher*), pembimbing (*mu'adib/ coach*), juru latihan (*mudarris/ trainer*), penasihat (*muwajjih/ advisor or counselor*) dan perunding (*murshid/ consultant*).

Sidek Baba (2006) juga telah memperincikan peranan guru sebagai *murabbi* kepada tujuh peranan iaitu mempersiapkan diri dengan ilmu, keterampilan dan pengkhususan; menjadi contoh tauladan kepada orang lain, menyampaikan sukatan pelajaran dengan metodologi yang sesuai, menyemai nilai-nilai murni kepada murid, berfikiran kreatif dan proaktif dalam mengendalikan P&P, memahami cabaran zaman dan kerenah lingkungan, mewujudkan suasana kondusif ketika proses P&P dilaksanakan.

Justeru, tugas GPI yang berjumlah 52, 641 (Abd Ghafar Mahmud 2011) bukan sekadar mengajar atau mendidik, malah memastikan muridnya memiliki kecemerlangan ilmu dan keunggulan peribadi. Ini supaya apabila mereka berperanan di tengah-tengah gelanggang, kesan

perubahan persekitaran tidak merosakkan fitrah kehidupan murid tersebut. Pendidikan yang juga merupakan medan dakwah, menuntun GPI untuk memiliki kualiti guru sebagai *murabbi* yang mempunyai rasa tanggungjawab yang lebih terhadap murid serta berintegriti dalam menjalankan tugas. Justeru, kertas kerja ini akan cuba mengenal pasti sekali gus mengupas elemen-elemen kualiti GPI sebagai murabbi dalam kajian ini adalah bersandarkan konsep GPI sebagai *murabbi*.

Perbincangan mengenai kualiti guru sebagai *murabbi* banyak dibahaskan oleh sarjana Islam dalam bidang pendidikan. Ini kerana terminologi *murabbi* itu sendiri berasal daripada perkataan Bahasa Arab. Terdapat beberapa orang sarjana Islam yang membincangkan tentang kualiti guru sebagai *murabbi* dalam penulisan mereka seperti al-Ghazali (t.th.), 'Abdullah Nasih 'Alwan (1968), al-Nahlawi (1979), al-Hammadi (1987) dan al-Hafiz al-Suwaid (1988). Manakala perbincangan mengenai kualiti GPI secara khusus pula telah dibahaskan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2010) dan Mohd Kassim Tusin (2010).

MODEL GURU SEBAGAI *MURABBI* OLEH AL-GHAZALI (T.TH.)

Al-Ghazali (t.th.) dalam kitabnya *Ihya' Ulumuddin* menyatakan tentang lapan ciri yang perlu ada pada setiap guru sebagai *murabbi*. Pertama, seorang guru perlu ikhlas dalam mengajar, iaitu dengan meletakkan mengajar sebagai salah satu bentuk ibadah kerana Allah s.w.t. Kedua, guru sebagai *murabbi* perlu mempunyai sifat belas kasihan kepada murid. Guru sebagai pengganti kepada ibu bapa ketika di sekolah perlulah menjalin hubungan yang positif dengan murid agar proses P&P berjalan dalam keadaan harmoni. Ketiga, seorang *murabbi* hendaklah sentiasa menasihati para pelajarnya tentang cara-cara belajar. Keempat, guru sebagai *murabbi* perlu menjaga maruah dan imej murid iaitu dengan tidak menggunakan bahasa sindiran dan mengetahui laras keupayaan setiap murid agar pendekatan pengajaran yang digunakan bersesuaian dengan mereka. Kelima, seorang guru haruslah hormat kepada disiplin ilmu yang lain dan tidak memperkecil-kecilkan bidang lain. Keenam, guru mesti mengetahui keupayaan pembelajaran setiap murid agar perancangan pengajaran dapat dibuat sesuai dengan keupayaan murid. Ketujuh, guru hendaklah mengajar dengan jelas dan menggunakan cara yang mudah difahami murid. Kelapan, guru hendaklah mengamalkan ilmu yang diajar kerana guru sebagai *murabbi* menjadi role model bagi murid seterusnya mengukuhkan lagi apa yang dipelajari.

MODEL *MURABBI* OLEH 'ABDULLAH NASIH 'ALWAN (1968)

'Abdullah Nasih 'Alwan (1968) telah membincangkan lapan kualiti yang perlu dimiliki oleh seseorang *murabbi* dalam buku beliau yang bertajuk *Tarbiyyah al-Awlad fi al-Islam*, iaitu: (1) menguasai ilmu agama dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian; (2) memiliki sifat keperibadian yang terpuji seperti ikhlas, takwa, lemah-lembut dan bertanggungjawab dengan amanah yang digalas; (3) menjadi contoh tauladan kepada para muridnya; (4) berusaha membentuk persekitaran yang dilingkupi nilai-nilai Islam agar para murid terkesan dengannya; (5) melazimi kata-kata yang sopan dan apabila ingin memanggil murid, guru perlulah menggunakan nama panggilan yang sopan dan disukai murid; (6) mempunyai kemahiran bercerita dan bijak mengupas i'tibar daripadanya. Setiap kata nasihat yang disampaikan oleh *murabbi* perlulah disokong dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. agar nasihat tersebut terpahat di hati para murid; (7) memantau muridnya dari aspek iman, akhlak, akal/ ilmu, jasmani, emosi, sosial dan rohani; (8) berkemahiran dalam menyampaikan pengajaran berdasarkan kaedah yang bersesuaian dengan isi kandungan pengajaran dan kemampuan murid; dan (9) bijaksana dalam mengenakan hukuman kepada murid.

MODEL GURU SEBAGAI *MURABBI* OLEH AL-NAHLAWI (1979)


Selain daripada ‘Abdullah Nasih ‘Alwan (1968), sarjana Islam lain yang turut membincangkan model guru sebagai *murabbi* ialah al-Nahlawi (1979) dalam buku beliau yang bertajuk *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Al-Nahlawi (1979) telah membahaskan 10 kualiti guru sebagai *murabbi*, iaitu: (1) memiliki matlamat *rabbani*, iaitu pemikiran, sikap dan tindakan yang bersandarkan kepada Allah s.w.t.; (2) menanamkan sifat ikhlas dalam mendidik murid dan sanggup berkorban bagi memastikan murid menjadi insan berguna dunia dan akhirat; (3) bersabar dalam menyampaikan ilmu pengetahuan; (4) jujur dengan apa yang disampaikan; (5) menguasai ilmu agama dan berusaha menambahkan ilmunya; (6) bijak memilih kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan isi kandungan dan kemampuan murid; (7) berupaya membimbing murid agar menjadi insan sempurna dari aspek rohani, intelek, emosi dan jasmani; (8) menyebatkan diri dengan sifat belas yang tidak melampau dan kasih sayang; (9) mengutamakan kemaslahatan murid dari yang lain; (10) berupaya membina daya ketahanan diri murid dari melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan hati, pemikiran dan tingkah laku; dan (11) berlaku adil dengan muridnya, tidak hanya mengutamakan sebahagian dan mengenyepikan sebahagian yang lain.

MODEL GURU SEBAGAI *MURABBI* OLEH AL-HAMMADI (1987)

Model guru sebagai *murabbi* turut dibincangkan oleh al-Hammadi (1987) dalam buku karangan beliau yang bertajuk *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Menurut beliau sebagai seorang *murabbi*, guru perlu mengamalkan lapan perkara, seperti berikut: (1) memperbetulkan niat murid; (2) memastikan kesedian murid untuk menerima pelajaran; (3) mengenal pasti keadaan atau latar belakang murid; (4) mengulang-ulang dalam menyampaikan pengajaran dan nasihat; (5) memberi penghargaan dan pujian kepada murid; (6) memberi peluang kepada murid untuk berehat; (7) berlemah lembut dan belas kasihan yang memadai dengan murid; dan (8) menyampaikan pengajaran mengikut kemampuan tahap keupayaan murid.

MODEL GURU SEBAGAI *MURABBI* OLEH AL-HAFIZ AL-SUWAID (1988)

Antara sarjana Islam lain yang turut membahaskan model guru sebagai *murabbi* ialah al-Hafiz al-Suwaid (1988) dalam buku beliau yang bertajuk *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah li-al-Tifl*. Dalam membincangkan model guru sebagai *murabbi*, al-Hafiz Suwaid (1988) telah membahagikan kepada tiga bahagian, iaitu 1- perkara yang perlu dilakukan oleh guru; 2- perkara yang harus dilakukan guru dalam pendidikan intelek; dan 3- perkara yang harus dilakukan guru dalam pendidikan emosi. Rajah 1 menunjukkan model guru sebagai *murabbi* yang dibahaskan oleh al-Hafiz al-Suwaid (1998).

Rajah 1 Model Guru Sebagai *Murabbi* al-Hafiz Suwaid (1988)

MODEL KUALITI GURU CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM KAMARUL AZMI JASMI (2010)

Rajah 6 menunjukkan model kualiti Guru Cemerlang PI yang dibahaskan oleh. GPI yang cemerlang menurut pandangan Kamarul Azmi Jasmi (2010) perlulah memiliki ilmu dan mengamalkannya. GPI perlu menguasai ilmu agama dan ilmu-ilmu lain yang menyokong kepada P&P. GPI yang cemerlang sentiasa berusaha menimba ilmu dan menyebarkan ilmu tersebut melalui pelbagai medium seperti memberikan ceramah, tazkirah dan menulis. Manakala pengamalan ilmu agama pula dilakukan melalui ibadat-ibadat wajib dan sunat, selain berusaha menjauhi perkara-pekerja *munkar*.

Ciri lain yang perlu ada pada Guru Cemerlang PI ialah keperibadian. Keperibadian ini merangkumi hubungan dengan Allah s.w.t. seperti amanah, ikhlas, taqwa dan *tawadduk*; hubungan dengan rakan sekerja seperti saling memuliakan, menghormati, bekerjasama, menunaikan hajat dan keperluan, mesra dan prihatin; hubungan dengan murid seperti belas kasihan, menyanyangi, memudahkan, adil dan sentiasa memberikan nasihat; dan personaliti seperti menjaga aurat, kebersihan dan kekemasan diri dan pakaian serta kesesuaian pada pakaian.


Selain itu, GPI yang cemerlang juga perlu memiliki kemahiran. Kemahiran yang dimaksudkan ialah kemahiran berbahasa, ICT, komunikasi, mengurus, menulis, merawat dan seni. Aspek lain yang tidak kurang pentingnya bagi seorang GPI cemerlang ialah aspek motivasi. Motivasi

dalam (intrinsik) terangkum dalam faktor kegembiraan melihat kejayaan murid, amanah, pahala dan balasan akhirat, minat, niat, ikhlas dan kepuasan bekerja. Manakala motivasi luaran (ekstrinsik) bersumberkan dorongan keluarga dan persekitaran sekolah.

MODEL KUALITI GPI OLEH MOHD KASSIM TUSIN (2010)

Rajah 2 menunjukkan model kualiti GPI yang dibahaskan oleh Mohd Kassim Tusin (2010). Menurut beliau kualiti yang perlu ada pada GPI ialah ilmu, kemahiran dan personaliti. Ilmu pengetahuan yang dimaksudkan merujuk kepada ilmu pengetahuan kandungan (ilmu Islam), pengetahuan pedagogi, pengetahuan semasa dan kepercayaan GPI, iaitu kepercayaan terhadap keberkesanan pendidikan dan kualiti murid impian.

Ciri kedua yang penting pada seseorang GPI ialah personaliti, yang merangkumi aspek penampilan diri, iltizam, komited, naluri keibubapaan dan kerohanian. Berkemahiran juga merupakan ciri yang perlu ada pada GPI yang berkualiti. Aspek kemahiran ini merangkumi kemahiran P&P, kemahiran reka cipta, kemahiran membimbing, kemahiran komunikasi dan kolaborasi.



Rajah 2 Model Kualiti GPI Mohd Kassim Tusin (2010)

Natijahnya, penulis mendapati bahawa kualiti guru sebagai *murabbi* yang dibincangkan oleh 'Abdullah Nasih 'Alwan (1968), al-Nahlawi (1979), al-Hammadi (1987), al-Hafiz al-Suwaid (1988), al-Ghazali (t.th.); kualiti Guru Cemerlang PI Kamarul Azmi Jasmi (2010); dan kualiti GPI Mohd Kassim Tusin (2010) mempunyai beberapa persamaan yang boleh diekstrak dan dipolakan sebagai elemen-elemen kualiti GPI sebagai *murabbi*. Oleh demikian, pengkaji merumuskan kualiti GPI sebagai *murabbi* kepada empat elemen utama, iaitu: pemikiran *rabbani*; penguasaan ilmu agama dan pengamalannya; kemahiran-kemahiran dalam pengajaran dan kesempurnaan sahsiah.

MODEL GPI SEBAGAI MURABBI

Justeru, GPI yang berperanan sebagai *murabbi* perlulah menghayati empat elemen kualiti *guru* sebagai *murabbi* seperti pemikiran *rabbani*, penguasaan ilmu agama, pengamalan dan pembudayaan, kemahiran-kemahiran dalam pengajaran dan kesempurnaan sahsiah ('Abdullah Nasih 'Alwan 1968; al-Hammadi 1987; al-Hafiz Suwaid 1988; al-Nahlawi 1979; Sa'id Hawa 1988).

Pemikiran *rabbani* merujuk kepada proses menggunakan minda untuk mencari makna dan pemahaman terhadap sesuatu, menerokai pelbagai kemungkinan idea atau ciptaan dan membuat pertimbangan yang wajar, bagi membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dan seterusnya membuat refleksi dan metakognisi terhadap proses yang dialami berdasarkan Allah s.w.t. (Said Hawa 1990). Dalam erti kata lain, seseorang yang dikatakan memiliki pemikiran rabbani ialah seseorang yang meletakkan redha Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. dalam proses mindanya yang bertindak sebagai alat kawalan kepada segala tindak tanduknya baik dari segi pertuturan mahupun tingkah lakunya. Ini seperti yang disebut oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya dalam surah al-Baqarah 2:265 yang berbunyi:

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ
فَقَاتَتْ أَكْثُلَهَا ضَعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطُلٌّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

Maksudnya: Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa yang kamu lakukan.

Menurut Sidek Baba (2011) pemikiran atau jiwa rabbani amat penting kepada seseorang pendidik bagi mengukuhkan lagi ilmu yang disampaikan kepada pelajar. Ini kerana ilmu itu sendiri bersifat rabbani, milik Allah s.w.t. Contoh yang paling tepat ialah bagaimana Rasulullah s.a.w. menerima didikan dan asuhan yang bersifat rabbani sehingga terbentuknya watak rabbaniyah.

Selain itu, penguasaan ilmu khususnya ilmu agama merupakan antara kualiti GPI sebagai murabbi. Ilmu diibarat penyuluh dalam kehidupan ini (Ibn Khaldun 1993; al-Ghazali, t.th.; Osman Bakar 1998). Terdapat banyak ayat al-Quran yang menyentuh soal kepentingan menguasai ilmu, antaranya dalam surah Al-'Imran 3:18, surah Fatir 35:28, surah al-'An'aam 6: 83; surah al-Nisa' 4:83 dan lain-lain. Ilmu agama yang bersifat rabbani bukan sahaja perlu dikuasai bahkan perlu diamalkan agar ilmu PI yang disampaikan kepada pelajar memperoleh keberkatan keberkesanan (Sidek Baba 2006). Ini menyokong peringatan Allah s.w.t. kepada mereka yang memiliki ilmu tetapi tidak mengamalkannya seperti firman Allah s.w.t. dalam surah al- Saf 61: 2-3 yang berbunyi:

يٰۤأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٢﴾ كَبِيرٌ مَّقْتًا عِنْدَ اللَّهِ اَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, kenapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu kerjakan? Amat besar kebencian di sisi Allah s.w.t. bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan.

Selain daripada memiliki pemikiran *rabbani* dan menguasai ilmu agama, GPI sebagai *murabbi* juga perlu berkemahiran dalam mengajar. Antara kemahiran yang terlibat dalam pengajaran yang perlu dikuasai oleh GPI sebagai *murabbi* ialah kemahiran pedagogi, kemahiran psikologi dan kemahiran komunikasi (seperti 'Abdullah Nasih 'Alwan 1968; al-Hammadi 1987; al-Hafiz Suwaid 1988; al-Nahlawi 1979).

Kemahiran pedagogi dalam KM mencakupi kemahiran menyampaikan kuliah, kemahiran bercerita, kemahiran bersoal jawab dan kemahiran menjalankan aktiviti ('Abd al-Fattah Abu Ghuddah 2001; 'Abdullah Nasih 'Alwan 1968; al-Hammadi 1987; al-Hafiz Suwaid 1988; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri 2007; al-Nahlawi 1979; Razali Saaran 2010).

Kemahiran psikologi pula mencakupi menunjukkan contoh tauladan, mengenal pasti aras kefahaman pelajar, meraikan perbezaan, mengajar secara berperingkat-peringkat, mengulang-ulang kandungan pengajaran, memudahkan pengajaran dan mengelak kebosanan, mempamerkan kasih sayang, memberi galakan dan mengenakan hukuman bersesuaian ('Abd al-Fattah Abu Ghuddah 2001; 'Abdullah Nasih 'Alwan 1968; Basri bin Ibrahim 2009; al-Hammadi 1987; al-Hafiz Suwaid 1988; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri 2007; al-Nahlawi 1979; Razali Saaran 2010).

Selain daripada kemahiran pedagogi dan psikologi, guru yang dikatakan berkemahiran dalam pengajaran juga perlu mempunyai kemahiran komunikasi. Kemahiran komunikasi mencakupi menyebut yang umum kemudian yang khusus, menyampaikan pengajaran dengan jelas, lancar dan padat, menyelitkan kata-kata nasihat dalam pengajaran, membuat perumpamaan dan perbandingan dalam pengajaran, menyelitkan unsur-unsur seloka dalam pengajaran, menggunakan komunikasi bukan lisan, memanggil pelajar dengan panggilan yang baik ('Abd al-Fattah Abu Ghuddah 2001; 'Abdullah Nasih 'Alwan 1968; al-Hammadi 1987; al-Hafiz Suwaid 1988; Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri 2007; al-Nahlawi 1979; Razali Saaran 2010).

Elemen kualiti terakhir yang perlu ada pada GPI yang bergelar *murabbi* ialah kesempurnaan sahsiah. Sahsiah yang perlu ada pada GPI sebagai *murabbi* ialah ikhlas, taqwa, adil, sabar, *amar ma'ruf nahiya 'an munkar*, mencintai dan memartabatkan Rasulullah s.a.w. sebagai idola, mendoakan kesejahteraan orang lain dan menjaga penampilan ('Abdullah Nasih 'Alwan 1968; al-Hammadi 1987; al-Hafiz Suwaid 1988).

PENUTUP

Kesimpulannya, peranan GPI sebagai *murabbi* haruslah dihayati iaitu dengan memahami, menyedari dan mengamalkannya agar dapat membentuk pelajar yang seimbang dari aspek rohani, intelektual, jasmani dan emosi. Ini sekaligus diharapkan dapat membentuk gejala keruntuhan akhlak di kalangan remaja yang makin meruncing dewasa ini.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. 2006. Model Guru Pendidikan Islam: Konsep 5 Mim. Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. 1 April. Anjuran Fakulti Pendidikan, UKM,
- Abd Al-Fattah Abu Ghuddah. 2001. *Nabi Muhammad Guru Dan Pendidik Terunggul*. Seremban: al-Azhar Media Ent.
- Abd Ghafar Mahmud. 2011. Pendidikan Islam: Harapan Dan Masa Depan. Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011 Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasti Hotel Kuala Lumpur, 4-7 Disember.
- Abdullah Nasih 'Alwan. 1968. *Tarbiyyah Al-Awlad Fi Al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Ghazali Abu Hamid. t.th. *Ihya' Ulum Al-Din*. Kaherah: al-Masyad.
- Al-Hafiz Al-Suwaid Muhammad Nur Ibn Abdullah. 1988. *Manhaj Tarbiyah Nabawiyyah Li Al-Tifl*. Kuwait: Muassasah al-Rayyan.

- Al-Hammadi Yusuf. 1987. *Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah*. Riyad: Dar al-Marikh li al-Nashr.
- Al-Nahlawi Abdul Rahman. 1979. *Usul Tarbiyyah Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Ma'asir.
- Basri Ibrahim. 2009. *Psikologi Rasulullah S.A.W. Dalam Berinteraksi Dengan Masyarakat*. Selangor: al-Hidayah Publisher.
- Hasni Mohammed. 2011. Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Holistik. Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasti Hotel, 4-7 Disember.
- Ibn Khaldun Zaid 'Abdul Rahman Ibn Muhammad. 1993. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Kassim Tusin. 2010. Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Sabah. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaysia Sabah.
- Osman Bakar. 1998. Agama Dan Budaya Teras Masyarakat Madani. Dlm. Minds (pnyt.). *Masyarakat Madani Satu Tinjauan Awal*, hlm. 53-63. Kuala Lumpur: MINDS.
- Razali Saaran. 2010. *Hebatnya Cara Rasulullah Mendidik*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.
- Said Hawa. 1990. *Al-Rasul*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Sidek Baba. 2011. *Tajdid Ilmu Dan Pendidikan*. Selangor: Gemilang Press Sdn. Bhd.